

STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : DISCOVERY CENTRE
FUNGSI : PENEROKAAN
TAJUK : LAWATAN KE RUMAH HIJAU (TAMAN BOTANI)

BIL.	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	SA 3.4	Membuat penerokaan ke atas tumbuh-tumbuhan.
2	STANDARD PEMBELAJARAN	SA 3.4.1 SA 3.4.5	<p>Mengenal pasti bahagian tumbuhan :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Daun ii. Batang iii. Akar iv. Bunga v. Buah <p>Memerhati dan mengumpulkan bahagian tumbuhan berdasarkan ciri berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Warna ii. Saiz iii. Bentuk iv. Tekstur
		BM 1.4.3 BM 1.4.6	<p>Bersoal jawab menggunakan ayat mudah.</p> <p>Bersoal jawab menggunakan ayat mudah berdasarkan bahan rangsangan.</p>
3	STREAM	S T R E A M	<p>Meneroka mengenai pokok-pokok yang ada di Taman Botani. (warna, saiz, bentuk, tekstur)</p> <p>Alat tulis untuk lakaran.</p> <p>Mengamalkan sikap toleransi dalam pergaulan. Menghargai alam sekitar.</p> <p>Mereka bentuk rumah hijau.</p> <p>Melukis suasana di Taman Botani.</p> <p>Membilang dan mengukur mengikut ketinggian.</p>
4	OBJEKTIF	Pada akhir pembelajaran, murid dapat mengenal bahagian-bahagian pokok.	
5	BBM	Buku catatan, alat tulis.	

6	NILAI MURNI	Berani, sabar, berdisiplin, bekerjasama, bertolak ansur.
<u>STRATEGI PELAKSANAAN</u>		
7		<ol style="list-style-type: none"> 1. Kanak-kanak dan guru berkongsi pengalaman dengan membina web tanaman di dalam rumah hijau. 2. Berbincang dengan kanak-kanak tentang perkara yang perlu dibuat sebelum, semasa dan selepas lawatan.
<u>Sebelum lawatan :</u>		
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Memilih tarikh, masa dan tempat lawatan. 2. Mesyuarat bersama ibu bapa. 3. Surat kebenaran dari pihak pengurusan KEMAS. 4. Surat makluman lawatan kepada pengurusan tempat yang dilawati. 5. Surat kebenaran kepada ibu bapa. 6. Tempahan pengangkutan/ makan minum. 7. Senarai semak keperluan lawatan. 8. Soalan kanak-kanak kepada pakar. 9. Jurnal lawatan kanak-kanak.
<u>Semasa lawatan :</u>		
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Kanak-kanak dibawa ke Taman Botani dan mendengar penerangan daripada Pegawai Pertanian. 2. Kanak-kanak diberi masa untuk melakukan aktiviti penerokaan. 3. Kanak-kanak membuat catatan mengenai apa yang telah dilihat. 4. Guru bersoal jawab dengan kanak-kanak tentang apa yang dilihat di persekitaran. <ul style="list-style-type: none"> 5. Contoh : Apa yang adik-adik lihat? Apakah jenis-jenis pokok yang terdapat di sini? Apakah warna daun, batang, bunga dan buah? Adakah pokok-pokok ini bersaiz sama? Apakah bentuk daun-daun yang dilihat? Apakah tekstur daun dan batang yang dirasa? 6. Kanak-kanak digalakkan untuk menceritakan tentang aktiviti yang dijalankan.

Selepas lawatan :

1. Guru dan kanak-kanak berkongsi pengalaman semasa lawatan menggunakan peta minda.

2. Kanak-kanak melukis semula apa yang dilihat berdasarkan catatan.

Nota:

* Guru perlu menitikberatkan aspek keselamatan semasa sesi lawatan.